

24/10/2002

Helah dapat air murah (HL)

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Singapura dipercayai sengaja melengah-lengahkan penyelesaian terhadap isu semakan harga air supaya dapat terus membeli air mentah pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Singapura sebelum ini menawarkan untuk membeli air mentah pada harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen, tetapi Malaysia meminta pada harga 60 sen.

"Sekarang mereka menurunkannya kepada 12 sen. Ini menunjukkan mereka tidak berminat menyelesaikan perkara ini kerana mereka percaya selagi masalah harga tidak diselesaikan, mereka boleh terus mendapat air pada kadar tiga sen," katanya pada sidang akhbar selepas menutup Seminar Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas sama ada tindakan Singapura menurunkan harga tawarannya itu sebagai satu penghinaan terhadap Malaysia.

Straits Times Singapura hari ini memetik Dr Mahathir sebagai berkata, Singapura telah mengurangkan harga 45 sen yang ditawarkan sebelum ini, kepada 12 sen sekarang apabila isu air dikeluarkan daripada pakej isu dua hala yang tertangguh.

Harga 45 sen itu ditawarkan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, dalam pertemuan dengan Dr Mahathir sebelum ini.

Bagaimanapun, dalam mesyuarat peringkat pegawai kanan di Johor Bahru minggu lalu, Singapura dikatakan mengurangkan harga itu kepada 12 sen.

Dr Mahathir berkata, Singapura tidak wajar mempertikaikan tawaran harga yang dibuat Malaysia, sedangkan republik itu mendapat keuntungan besar dengan menjual air untuk bekalan kapal.

"Anda beli sesuatu pada harga tiga sen dan anda bersihkan sedikit dan jual pada harga S\$20. Mereka merungut kerana kita meminta kenaikan harga lebih 1,000 peratus (dari tiga sen kepada 60 sen), tetapi dari tiga sen kepada S\$20, itu berapa peratus.

"Kita sudah memberi jaminan akan sentiasa membekalkan air secukupnya bagi keperluan hariannya, iaitu untuk mandi, minum dan membasuh, bukannya dijual bagi keuntungan yang berlipat ganda," katanya.

Ditanya apakah harga yang sewajarnya, Dr Mahathir berkata perkara itu perlu dirundingkan kedua-dua pihak.

"Bila kita membeli sesuatu, kita perlu membeli pada harga pasaran. Anda tidak boleh mengharapkan harga istimewa berasaskan kepada beberapa keping kertas usang (Perjanjian Air 1961 dan 1962)," katanya.

Ditanya apakah ada kemajuan dalam rundingan kedua-dua pihak, Dr Mahathir secara sinis berkata: "Itulah kemajuan, dari tiga sen kepada 12 sen."

Kelmarin, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyifatkan rundingan di Johor Bahru menampakkan kemajuan dalam menyelesaikan isu itu.

ChannelNews Asia memetik Goh sebagai berkata, buat pertama kali selepas perbincangan dua hala pusingan ketiga mengenai air berakhir minggu lalu, pegawai masih memperkatakannya.